

17/05/2001

Semai sifat kesukarelaan sejak kecil

`KESUKARELAAN pemangkin perpaduan' yang menjadi tema sambutan Hari Belia peringkat kebangsaan kelmarin, membawa pengertian yang amat luas. Sekecil-kecil kesukarelaan dengan membantu keluarga atau jiran atau sebesar-besar tugas seperti menjayakan sesuatu acara antarabangsa, adalah nilai-nilai murni yang lambat-laun akan luput jika tidak disemai dan dibajai pada peringkat usia muda. Asas sebenarnya masih kukuh dengan kewujudan pelbagai persatuan seragam pada peringkat sekolah rendah, menengah hinggalah ke pusat pengajian tinggi yang menanamkan sifat suka membantu tanpa mengharapkan balasan.

Lazimnya, sukarelawan tidak sukar dicari sebagaimana ketika negara menganjurkan Sukan Komanwel 1998 dan Sukan Sea, September ini. Berbanding dengan jumlah jam dan hari bertugas, mereka cuma mendapat sagu hati kecil untuk pengangkutan dan makanan. Cuma sifat-sifat kesukarelaan dalam amalan harian, termasuk aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong dan berkawal memastikan keselamatan kawasan kediaman, yang mungkin sedikit terhakis oleh sikap pentingkan diri.

Sebagaimana amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada majlis sambutan Hari Belia kelmarin, kesukarelaan akan membawa perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini, seterusnya keharmonian yang perlu terus dipertahankan. Ia tidak hanya menjadi tanggungjawab pertubuhan bukan kerajaan dan badan sukarela semata-mata, sebaliknya hendaklah dituruti oleh masyarakat terbanyak agar sesuatu kerja yang berat sekalipun boleh menjadi ringan.

(END)